

# Najib fail pernyataan saksi jawab empat tuduhan guna kedudukan

## Prosiding bekas PM bela diri dari kandang saksi bermula Isnin ini

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak sudah memfailkan pernyataan saksi setebal 525 muka surat untuk menjawab empat tuduhan menggunakan kedudukan, bagi memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dana 1Malaysia Development Berhad (IMDB) dan 21 tuduhan perubahan wang haram.

Bekas Perdana Menteri dan Menteri Kewangan itu dijangka menjawab semua tuduhan berkenaan dari kandang saksi apabila prosiding bela diri kes skan-

dal kewangan 1MDB bermula Isnin ini.

Timbalan pendakwa raya Ahmad Akram Gharib ketika dihubungi semalam mengesahkan pasukan peguam bela Najib yang diketuai Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah sudah mengemuka salinan dokumen itu melalui e-mel kepada pendakwaan semalam.

Pada 30 Oktober lalu, Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah memerintahkan Najib membela diri terhadap semua 25 tuduhan selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes 'prima facie.'

Ketika kesalahan itu dilakukan, Najib ialah Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Katanya, selepas membuat penilaian maksimum, mahkamah mendapati pendakwaan membuktikan intipati bagi semua empat pertuduhan menyalahgunakan kedudukan dan 21 pertuduhan perubahan wang haram.

Berdasarkan Seksyen 180 Kanun Prosedur Jenayah, kes prima facie dibuktikan apabila pihak pendakwaan mengemuka 'bukti yang boleh dipercayai' di mahkamah untuk membuktikan setiap elemen kesalahan.

Seksyen 180(4) memperuntuk kes 'prima facie' telah dibuktikan terhadap tertuduh di mana pihak pendakwaan mengemuka bukti yang boleh dipercayai yang membuktikan setiap intipati kesalahan yang jika tidak disangkal atau tidak dijelaskan akan memerlukan sabitan.

### Keterangan bersumpah

Najib memilih untuk membela diri melalui keterangan bersumpah daripada kandang saksi dan boleh disoal pendakwaan.

Bekas Ahli Parlimen Pekan itu menghadapi empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk memperoleh suapan RM2.3 bilion dalam dana 1MDB dan 21 pertuduhan perubahan

wang haram membabitkan jumlah sama.

Beliau didakwa melakukan kesalahan itu di AmIslamic Bank Berhad, Bukit Ceylon di sini antara 24 Februari 2011 dan 19 Disember 2014, manakala bagi pertuduhan pengubahan haram pula antara 22 Mac 2013 dan 30 Ogos 2013 di tempat sama.

Pertuduhan itu mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), yang memperuntuk hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda sehingga lima kali jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mana lebih tinggi.

Bagi 21 pertuduhan lagi, Najib didakwa membabitkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu menerima, memindahkan dan membayar jumlah sama hasil daripada aktiviti haram.

Najib didakwa atas 16 pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram daripada akaun Tanore Finance Corporation di Fal-

con Private Bank, Singapura ke akaun AmIslamic Bank Berhad miliknya sebelum memindahkannya semula ke akaun milik Tanore berjumlah RM2,196,786,711.87.

Bagi lima pertuduhan lagi, Najib didakwa menggunakan hasil daripada aktiviti haram RM20,000,000 untuk dibayar kepada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), RM100,000 dibayar kepada UMNO Bahagian Batu Kawan, RM246,000 kepada Lim Soon Peng, RM2,000,000 kepada ORB Solutions Sdn Bhd dan RM303,000 kepada Semarak Konsortium Satu Sdn Bhd.

Bagi semua perbuatan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 yang membawa hukuman denda maksimum RM5 juta atau dipenjarakan tempoh tidak melebihi lima tahun, atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.